

EAEC: Malaysia susun strategi

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 15 Jun — Malaysia akan menyusun strategi bagi mencari jalan untuk menghadapi tentangan Amerika Syarikat (AS) terhadap penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), kata Dr. Mnathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudahpun menerima maklumat penolakan Amerika terhadap EAEC dan akan mencari jalan bagi mengatasinya.

© Kita telah dapat maklumat... kita akan susun langkah untuk cari jalan supaya kita dapat mengatasi tentangan daripada AS," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usahasama di antara Peminaan Jayabumi (S) Sdn. Bhd. dengan P.P Centre Co. Ltd. Thailand dan Hormozgan Province Municipalities Corporation, Iran.

Ditanya apakah langkah yang akan diambil untuk

U.M 16 JUN 1994
mendapatkan sokongan Jepun, Perdana Menteri berkata, Malaysia juga akan berusaha untuk tujuan itu tetapi terpulanglah kepada negara itu untuk membuat keputusan.

Sebuah agensi berita asing melaporkan di Singapura hari ini bahawa pegawai kedutaan Amerika di Tokyo berkata, Thailand, pengerusi ASEAN sekarang dan Brunei, pengerusi dialog ASEAN-Amerika tahun ini, akan dimaklumkan mengenai pendirian Washington secepat mungkin.

Menurut laporan itu, pendirian Amerika yang menentang EAEC dimaklumkan selepas pegawai-pegawai ASEAN memberi taklimat kepada kerajaan Amerika semasa mesyuarat dialog ASEAN-Amerika di Washington bulan lepas.

Mesyuarat itu diadakan bagi membolehkan pegawai-pegawai ASEAN memberi gambaran jelas mengenai EAEC serta menve-rahkan kertas dasar mengenai cadangan itu.

Keputusan Washington ini dianggap bertentangan dengan kenyataan awal

Presiden Bill Clinton yang sebelum ini menyatakan kesanggupannya menerima EAEC jika gagasan itu dipersetujui oleh semua negara anggota ASEAN.

Dalam perkembangan yang sama ketika menyampaikan syarahan ekonomi anjuran Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) di sini, semalam, seorang profesor dari Amerika Syarikat, Gerald L. Houseman berkata, EAEC tidak seharusnya ditentang jika ia tidak bercanggah dengan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).